



Seminar Zakat Amwal Fadhillah (Harta Lebihan)

KONSEP PENGURUSAN ZAKAT AMWAL FADHILAH

Dr. Rosli Mokhtar

Perhatian Islam terhadap sifat memberi

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ
حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

- Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya. (al-Baqarah:261)

Makna Zakat

- زكا الشيء
- tumbuh, suci, berkat, pujian (lisan al-arab)
- Maka istilah dalam syarak:

Kadar tertentu daripada harta yang difardukan oleh Allah kepada yang berhak menerima zakat.
(al-Qardawi)

• **وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ قُلِّ (219)**

- Dan mereka bertanya kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir.

• **عن ابن عباس : (ويسألونك ماذا ينفقون قل العفو) قال : ما
يفضل عن أهلك . (ابن كثير)**

- **Ibnu Kathir meriwayatkan bahawa Ibnu Abbas berkata: apa yang lebih dari keperluan keluargamu.**

Hak tanaman ketika dituai

- وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ
وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ
كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ^ط وَلَا تُسْرِفُوا ^ج
إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ (141)

Hak tanaman ketika dituai

- Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

Hak-hak orang-orang yang terabai, miskin dan ibnu sabil

• إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ (15) أَخَذِينَ مَا آتَاهُمْ رَبُّهُمْ إِنَّهُمْ كَانُوا قَبْلَ ذَلِكَ مُحْسِنِينَ (16) كَانُوا قَلِيلًا مِّنَ اللَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ (17) وَبِالْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ (18) وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ (19)

- Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa adalah ditempatkan di dalam beberapa taman Syurga, dengan matair-matair terpancar padanya.
- (Keadaan mereka di sana) sentiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepadanya oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang-orang yang berbuat kebaikan.

- Maqasid zakat
 - Kewajipan mengeluarkan zakat pada hakikatnya menjadi bukti terhadap keprihatinan agama Islam terhadap perkembangan harta. ini kerana seruan ke arah mengeluarkan zakat memberi isyarat secara tidak langsung bahawa Islam menggalakkan perkembangan harta dan mendorong ke arah berlakunya aktiviti ekonomi

- Maqasid zakat
 - Manfaat zakat pertama sekali kembali kepada pengeluar zakat itu senditi. Ini kerana zakat menjadikan pengeluarnya diredai oleh Allah, dosanya diampunkan dan kehidupannya diberkati. Pengeluar zakat juga dapat mengurangkan kecintaan kepada dunia dan pergantungan kepada alam yang fana

- Maqasid zakat

- Faedah zakat juga kembali kepada penerima zakat apabila bantuan yang diberikan akan dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi.
- Faedah zakat juga kembali kepada masyarakat kerana penyelesaian kepada masalah kemiskinan akan membawa kepada masyarakat yang lebih harmoni dan seimbang. Sikap hormat menghormati akan wujud dan setiap ahli masyarakat

- **Makna Amwal**
- Para fuqaha' telah mengkategorikan harta kepada pelbagai jenis mengikut aspek-aspek tertentu, antaranya:
 - 1. Dari sudut harus dan haram penggunaannya, terbahagi kepada bernilai dan tidak bernilai.
 - 2. Dari sudut kekal dan tidak kekal ditempatnya, terbahagi kepada harta alih dan harta tak alih .
 - 3. Jika dilihat dari sudut kekal dan tidak kekal 'ainnya (fizikal) dengan menggunakannya, terbahagi kepada pakai habis dan pakai sahaja .

- **Pemilikan Sempurna Sebagai Syarat Zakat**
 - Dalam menjadikan sesuatu harta itu wajib dikeluarkan zakat, terdapat syarat-syarat yang dipenuhi. Syarat-syarat tersebut ialah pemilikan yang sempurna, cukup haul, cukup nisab, bebas daripada hutang, merupakan harta lebih daripada keperluan asasi dan harta tersebut memiliki sifat nama' ataupun berkembang.

- **Jenis-jenis amwal Fadhilah**
- Dapat disimpulkan bahawa amwal fadhilah ialah harta yang tidak dituntut. Harta dari jenis itni walaubagaimanapun dizaman ini adalah besar dan bukan sekadar dari jenis harta yang ditinggalkan oleh pemiliknya setelah mereka merantau keluar negara atau harta yang tidak dituntut setelah kematian.
- Berikut ini adalah harta-harta yang mempunyai keadaan yang sama dengan apa yang disebut sebagai harta yang ditinggalkan dan pusaka yang tidak dituntut.(Mohd Arafat,2017)
- Hutang Lapok
- Harta Yang Tidak dituntut Selepas Kematian
- Harta Rampasan
- Harta yang ditinggalkan
- Harta yang ditemui (luqatah)